



Permohonan adalah dipelawa daripada warga negara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Bil. Iklan Pustaka/01/2024 (1)

Skim Perkhidmatan	:	Pembantu Pustakawan, Gred S19		
		(1 KEKOSONGAN – Sibul)		
Taraf Jawatan	:	Tetap - Jawatan Berasaskan Caruman		
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana		
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Sosial		
Tempoh Percubaan	:	1 - 3 Tahun		
Jadual Gaji	:	S19	RM 1,352.00	- RM 4,003.00
			(Minimum)	(Maksimum)

Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,352.00); atau
ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,408.40); atau
iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,464.80);

DAN

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan



Permohonan adalah dipelawa daripada warga negara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Bil. Iklan Pustaka/02/2024 (1)

Skim Perkhidmatan	:	Penolong Akauntan, Gred W29		
		(1 KEKOSONGAN – KUCHING)		
Taraf Jawatan	:	Tetap - Jawatan Berasaskan Caruman		
Kumpulan Perkhidmatan	:	Kewangan		
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pelaksana		
Jadual Gaji	:	W29	RM 1,498.00 (Minimum)	- RM 5,678.00 (Maksimum)

Syarat Lantikan:

Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- (c) i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya :

(Gaji permulaan adalah pada gred W29: RM1,510.92); atau

ii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh kerajaan

(Gaji permulaan adalah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau

iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan adalah pada gred W29: RM1,776.08); atau

iv) Licentiate of The Chartered Institute Of Secretaries and Administrator of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan adalah pada gred W29: RM2,001.68)

DAN

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Cara Memohon:

1. Semua permohonan hendaklah dikemukakan SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*) melalui laman web berikut: www.pustaka-sarawak.com/recruitment.
2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan.
3. Setiap permohonan MESTILAH disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan, diimbas dan dimuatnaik melalui sistem e-recruitment Pustaka nanti. Muatnaik adalah terhad kepada 2 lampiran sahaja. Contoh: Sekiranya jawatan memerlukan lulusan SPM, maka salinan sijil SPM hendaklah dimuatnaik.
4. Hanya pemohon yang berjaya untuk ditemuduga sahaja akan dimaklumkan melalui emel dan khidmat pesanan ringkas (SMS).
5. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas/jawapan dalam tempoh 3-6 bulan dari tarikh iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.
6. Tarikh tutup iklan adalah pada **12 Februari 2024 (Isnin)**.